

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1993/94

April 1994

**YFP 303/6 - Penerbitan Televisyen II**

Masa: [3 jam]

---

Jawab **Soalan 1** dan **DUA** (2) soalan lain.

1. Dengan menggunakan dokumentari video anda sebagai contoh, terangkan:
  - a. bagaimanakah penyelidikan yang teliti boleh menghasilkan satu dokumentari yang baik;
  - b. bagaimanakah reki (recce) boleh membantu di dalam penggambaran;
  - c. bagaimanakah skrip olahan boleh membantu di dalam penggambaran; dan
  - d. apakah kepentingan skrip ulasan (narration script) di dalam menjayakan dokumentari anda.

(40 markah)

2. Televisyen mengalami perkembangan yang berlainan di dalam sistem-sistem politik yang berlainan. Bincangkan apakah perbezaan yang ketara di antara corak siaran televisyen di dalam negara-negara dunia yang dikenali sebagai dunia pertama, dunia kedua dan dunia ketiga.

(30 markah)

...2/-

3. Huraikan dengan ringkas apakah tugas-tugas penting petugas seperti berikut di dalam penerbitan studio:
- a. penerbit
  - b. pengurus pentas
  - c. jurusuis
  - d. juruaudio
  - e. jurukamera

(30 markah)

4. RTM dan TV3 sudah memberi peluang dan galakan yang cukup banyak untuk penerbit swasta tempatan untuk menerbitkan drama swasta. Adakah penerbitan drama masakini berjaya daripada segi: a) menarik minat penonton, dan b) mencapai tahap mutu yang memuaskan daripada segi teknik dan seni? Bincangkan.

(30 markah)

-0000000-